



# **UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGGAL 134**

**AKTA MAJLIS MESYUARAT NEGARA DAN  
MAJLIS MESYUARAT MENTERI-MENTERI  
(SARAAN DAN KEISTIMEWAAN)**

Dicetak di bawah kuasa yang diberikan kepada Peguam Negara oleh bab 18A dari Akta Penyemakan Undang-Undang (Penggal 1). Semua pindaan sebelum 1hb Mac 2009 telah dimasukkan.



**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGGAL 134**

**AKTA MAJLIS MESYUARAT NEGARA DAN  
MAJLIS MESYUARAT MENTERI-MENTERI  
(SARAAN DAN KEISTIMEWAAN)**

**4 tahun 1965**

Dipinda oleh

S 42/78

5 tahun 1981

**Edisi 1984, Penggal 134**

Dipinda oleh

S 46/05



**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*Majlis Mesyuarat Negara dan  
Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri  
(Saraan dan Keistimewaan)*

**PENGGAL 134 1**

---

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGGAL 134**

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA DAN  
MAJLIS MESYUARAT MENTERI-MENTERI  
(SARAAN DAN KEISTIMEWAAN)**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Saraan.
4. Permulaan dll. saraan.
5. Pengenaan bayaran kepada Kumpulanwang Yang Disatukan.
6. Pindaan Jadual.

**JADUAL**

---



UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Mesyuarat Negara dan  
Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri  
(Saraan dan Keistimewaan)*

**PENGGAL 134 3**

---

**AKTA MAJLIS MESYUARAT NEGARA DAN  
MAJLIS MESYUARAT MENTERI-MENTERI  
(SARAAN DAN KEISTIMEWAAN)**

**Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi saraan dan keistimewaan Majlis Mesyuarat Negara dan Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri**

*Permulaan kuatkuasa: 30hb Januari 1965*

**Gelaran.**

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri (Saraan dan Keistimewaan).

**Tafsiran.**

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Ahli” bermakna seseorang yang dilantik, dinamakan atau dipilih, mengikut mana yang berkenaan, dalam Majlis Mesyuarat Negara menurut atau di bawah Perlembagaan atau seseorang Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, dan termasuk Yang Di-Pertua;

*[S 46/05]*

“tugas yang ditetapkan” bermakna suatu permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara atau mana-mana Jawatankuasanya atau suatu permesyuaratan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri atau mana-mana jawatankuasanya dan termasuk permesyuaratan-permesyuaratan atau tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

*[S 46/05]*

(2) Jika terdapat sebarang keraguan tentang tafsiran atau pengertian Akta ini, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Kebawah Duli Yang

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Majlis Mesyuarat Negara dan  
Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri*

**4 PENGGAL 134** (*Saraan dan Keistimewaan*)

---

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang keputusan Baginda mengenainya adalah muktamad.

[S 46/05]

**Saraan.**

3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan perintah membuat peruntukan bagi saraan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.

[S 46/05]

**Permulaan dll. saraan.**

4. Saraan yang kena dibayar di bawah peruntukan-peruntukan bab 3 hendaklah —

(a) bermula dari tarikh lantikan atau pemilihan, mengikut mana yang berkenaan;

(b) bertambah dari hari ke sehari; dan

(c) kena dibayar pada hari terakhir setiap bulan atau hari lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri.

[S 46/05]

**Pengenaan bayaran kepada Kumpulanwang Yang Disatukan.**

5. Wang-wang yang dikehendaki bagi saraan yang kena dibayar di bawah Akta ini adalah suatu pengenaan bayaran kepada Kumpulanwang Yang Disatukan.

[S 46/05]

**Pindaan Jadual.**

6. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* menambah atau meminda Jadual kepada Akta ini.

[S 46/05]



**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*Majlis Mesyuarat Negara dan  
Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri  
(Saraan dan Keistimewaan)*

**PENGGAL 134 5**

---

**JADUAL**

(bab 3)

Elaun-elaun dan keistimewaan-keistimewaan Ahli

[S 46/05]

**1. Surat-menyurat:**

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah dibenarkan untuk menghantar semua surat-menyurat secara percuma atas urusan Kerajaan. Surat-surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat yang bertanda “ATAS URUSAN KERAJAAN” dan sebelah bawah penjurong kiri sampul-sampul surat itu hendaklah ditandatangani oleh Ahli yang menghantar surat itu di atas “cap” “AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA”. Keistimewaan tersebut meliputi surat-menyurat di dalam Negara Brunei Darussalam sahaja dan tidak termasuk menghantar barang-barang berdaftar atau surat-menyurat mel udara.

Apabila sesuatu barang, mel udara, surat-menyurat atau apa-apa telegram dikehendaki untuk dihantar atau panggilan jauh perlu dibuat oleh seseorang Ahli atas urusan Kerajaan, maka kos yang ditanggung olehnya boleh dituntut balik.

**2. Terbitan Kerajaan:**

Seseorang Ahli hendaklah diberikan, secara percuma, salinan-salinan *Warta Kerajaan*, Undang-Undang, Laporan dan terbitan Kerajaan yang lain.

**3. Lesen kenderaan bermotor:**

Seseorang Ahli adalah berhak mendapat pengecualian dari sebarang bayaran lesen tahunan yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya bagi sebuah kereta yang didaftarkan atas nama Ahli itu dalam tempohnya memegang jawatan.

**4. Pinjaman untuk membeli kenderaan bermotor dll:**

[S 46/05]

Seseorang Ahli boleh, atas budibicara Menteri, diberikan suatu pinjaman tidak melebihi dari jumlah yang boleh dipinjamkan kepada seseorang pegawai dalam Bahagian I dalam perkhidmatan awam untuk menampung harga sebuah kenderaan bermotor, motosikal atau motor sangkut setelah Ahli itu memberi jaminan yang mencukupi dan akujanji bertulis, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Menteri, bahawa pinjaman tersebut akan dibayar balik sepenuhnya sebelum tamat tempoh Ahli itu memegang jawatan.

**5. Elaun hitungan batu:**

Seseorang Ahli boleh mendapat elaun hitungan batu pada kadar-kadar yang sama dan tertakluk kepada syarat-syarat yang sama dengan seseorang pegawai dalam Bahagian I dalam perkhidmatan awam bagi perjalanan-perjalanan yang berkaitan dengan suatu tugas yang ditetapkan:

## UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### *Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri*

#### **6 PENGGAL 134** *(Saraan dan Keistimewaan)*

---

Dengan syarat bahawa seseorang Ahli yang tidak menggunakan atau mempunyai kereta atau botnya sendiri boleh menuntut pembayaran balik perbelanjaan perjalanan sebenar yang dilakukan olehnya berhubung dengan perjalanan itu.

##### **6.** Elaun perjalanan di luar Negara Brunei Darussalam:

Seseorang Ahli yang dikehendaki oleh Kerajaan untuk membuat perjalanan di luar Negara Brunei Darussalam atas urusan Kerajaan boleh dibayar elaun sara hidup yang diberitahu dalam *Warta Kerajaan* untuk menampung perbelanjaan makanan dan perbelanjaan yang dibayar sendiri tetapi tidak termasuk perbelanjaan tambang dan penginapan yang akan dibayar oleh Kerajaan.

[S 46/05]

##### **7.** Perjalanan di luar Negara Brunei Darussalam:

Seseorang Ahli yang dikehendaki untuk membuat perjalanan di luar Negara Brunei Darussalam atas urusan Kerajaan dengan jalan laut atau udara boleh dengan kebenaran Menteri atau seorang pegawai yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu, diberikan suatu waran perjalanan dan kos perjalanan tersebut hendaklah dibayar oleh Kerajaan.

##### **8.** Lencana kenderaan bermotor:

Seseorang Ahli yang menggunakan kenderaan bermotornya sendiri atau sesebuah kenderaan bermotor yang diletakkan atas kawalannya untuk kegunaannya boleh membawa dalam kenderaan tersebut suatu lencana atau lencana-lencana tersendiri dalam bentuk sebagaimana yang mungkin diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

##### **9.** Kemudahan perubatan:

Seseorang Ahli, isterinya, anak-anaknya dan ibu bapanya (termasuk ibu dan bapa mertuanya) adalah berhak mendapat rawatan perubatan dan pergigian secara percuma termasuk rawatan pakar dan dimasukkan ke dalam wad kelas pertama, atau, sekiranya dia tidak layak, maka dia berhak mendapat pembayaran balik sebarang jumlah wang yang telah dibelanjakan olehnya atau bagi rawatan tersebut.

##### **10.** Telefon:

(1) Ahli-Ahli adalah tiap-tiap seorang berhak untuk mempunyai telefon yang dipasang secara percuma di tempat kediaman mereka yang lazim. Pengarah Telekom akan membuat penyusunan untuk memasang telefon itu dengan syarat pemasangannya boleh dilakukan.

[S 46/05]

(2) Seseorang Ahli yang menggunakan telefon di tempat kediamannya yang lazim boleh menuntut balik daripada Kerajaan bayaran sewa telefon (tetapi tidak termasuk bayaran panggilan jauh) bagi telefon itu dalam tempohnya memegang jawatan sebagai seorang Ahli:

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*Majlis Mesyuarat Negara dan  
Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri  
(Saraan dan Keistimewaan)*

**PENGGAL 134 7**

---

Dengan syarat bahawa seseorang Ahli yang menikmati penggunaan telefon secara percuma oleh sebab mana-mana jawatan Kerajaan yang lain tidak boleh diberikan keistimewaan ini.

**11.** Elaun sara hidup: [S 46/05]

Yang Di-Pertua, Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri adalah berhak mendapat elaun sara hidup pada kadar-kadar yang sama dan tertakluk kepada syarat-syarat yang sama dengan seseorang pegawai dalam Bahagian I dalam perkhidmatan awam.

Seseorang Ahli, selain daripada Yang Di-Pertua, Menteri atau Timbalan Menteri, boleh dibayar elaun sara hidup pada kadar yang diberitahu dalam *Warta Kerajaan*.

**12.** Rumah Persinggahan dan Rumah Rehat:

Seseorang Ahli adalah berhak mendapat keistimewaan menggunakan Rumah Persinggahan dan Rumah Rehat Kerajaan sama seperti yang diberikan kepada seseorang pegawai dalam Bahagian I dalam perkhidmatan awam.

**13.** Keutamaan:

Seseorang Ahli adalah berhak mendapat keutamaan berkaitan dengan semua kemudahan dan perkhidmatan awam sama seperti yang diberikan kepada seseorang pegawai dalam Bahagian I dalam perkhidmatan awam.

**14.** Gelaran kehormatan:

Seseorang Ahli adalah berhak untuk menggunakan gelaran “Yang Berhormat” sebelum namanya.